

**BUDAYA DALAM PUISI-PUISI MUHAMMAD HAJI  
SALLEH: KAJIAN TEORI SASTERA BUDAYA**

**MUHAMMAD IRFAN NYIA BIN ABDULLAH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**BUDAYA DALAM PUISI-PUISI MUHAMMAD HAJI SALLEH: KAJIAN  
TEORI SASTERA BUDAYA**

oleh

**MUHAMMAD IRFAN NYIA BIN ABDULLAH**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**MEI 2013**

**MUHAMMAD IRFAN  
NYIA ABDULLAH**

**BUDAYA DALAM PUISI-PUISI  
MUHAMMAD HAJI SALLEH:  
KAJIAN TEORI SASTERA BUDAYA**

**2013 Ph.D**

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Dr. Sakinah binti Abu Bakar yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan kajian Ph.d berkenaan Budaya Dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya.

Ucapan jutaan terima kasih juga kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Pendidikan Guru yang telah membiayai pengajian sepenuh masa pengkaji di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak dilupakan, sekalung terima kasih ditujukan kepada Profesor Emeritus Muhammad Haji Salleh yang sentiasa memperuntukkan ruang dan masa untuk ditemu bual, berbincang, perkongsian pengalaman serta ilmu beliau. Tidak dilupakan kepada semua responden lain iaitu Dr. Awang Azman Awang Pawi, Encik Baharuddin Zain, dan Encik Zaidi Ismail yang turut menjayakan kajian ini. Tanpa kerjasama dan sokongan kalian, sukar untuk menyempurnakan kajian ini.

Perlu disebutkan juga di sini bahawa dalam tempoh pengajian Ph.D saya di Universiti Sains Malaysia, isteri saya telah melanjutkan pengajian Ph.D di Universiti Yarmouk, Jordan bawah tajaan Biasiswa Pusat Pengajian Tinggi. Maka pelbagai cabaran dan dugaan hidup terpaksa ditempuh. Meskipun sukar namun tetap dihadapi juga. Alhamdulillah, segala-galanya dapat dilalui atas limpahan dan kasih sayangnya. Tidak dilupakan sokongan jitu ahli keluarga, bekas pensyarah UKM (Dr. Mawar Shafie, Prof. Madya Syukri Yeoh Abdullah, Encik Che Abdullah Che Ya

dan Dr. Zubir Idris), bekas pensyarah UPM (Prof. Madya Lim Swee Tin) serta rakan-rakan, terutama Dr. Mazlan Ab. Karim dan Encik Mohamat Ibrahim yang banyak menolong dan bersusah payah kerana diri ini.

Akhir sekali, buat isteri, Pn. Tasnim binti Mohd. Annuar dan anak-anak tercinta iaitu Danial Nyia Juhan, Wafiah Nyia Aini dan Faqeehah Nyia Yumni. Maafkan diri ini kerana ruang masa yang tidak mengizinkan pengkaji untuk sentiasa di sisi kalian. Buat diri pengkaji, segala dugaan dan cabaran yang dihadapi sepanjang pengajian Ph.D benar-benar mencabar ketahanan diri, menguji kesabaran dan kecekalan hati. Terima kasih ke hadrat Allah atas rahmat dan dugaan yang diberikan kepada saya; Semoga sentiasa di bawah kurniaan hidayah, lindungan dan landasan kebenaran jalan Islam.

Sekian, terima kasih.

## DEDIKASI:

- Ku rangkumkan syukur kepada Allah; anugerah hidayah, bakat, kekuatan dan mengajar aku sentiasa muhasabah serta mengagumi kebesaran-Mu.
- Ku anyam cinta buat isteri, Tasnim bt Mohd Annuar.
- Ku himpun kasih anakanda tercinta, Danial Nyia Juhan, Wafiah Nyia Aini dan Faqeehah Nyia Yumni .
- Ku curah sayang buat Papa Nyia Tong Sing (mendiang), Mama Tan Ai Guan, Abah Mohd Annuar b. Mat Taib, Emak Aishah bt Hj. Abdullah.
- Ku pupuk hormat buat kakak, Nyia Pey Jing dan suami Tan Hock Chuan.
- Ku semai harapan buat adik-adik; Nyia See Thai, Nyia See Cheang, Shakirah, Najidah, Firdaus dan Naimah.

Terima kasih kerana sentiasa menyokong usaha ku selama ini.

## SUSUNAN KANDUNGAN

Muka surat

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SUSUNAN KANDUNGAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	viii
<b>ABSTRACT</b>	ix

### **BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Penyataan Masalah	8
1.2	Objektif Kajian	9
1.3	Batasan Kajian	10
1.4	Kepentingan Kajian	11
1.5	Teori dan Kaedah	12
1.6	Kajian Literatur	20
1.7	Organisasi Tesis	31

### **BAB DUA: LATAR BELAKANG KEPENGARANGAN MUHAMMAD HAJI SALLEH SEBAGAI MANIFESTASI BUDAYA**

2.0	Pengenalan	33
2.1	Latar Belakang Muhammad Haji Salleh	33
2.2	Pendirian Muhammad Haji Salleh Tentang Puisi	43
2.3	Keterlibatan Dalam Dunia Penulisan	46
2.4	Anugerah dan Hadiah	62

### **BAB TIGA: KONSEP BUDAYA**

3.0	Pengenalan	68
3.1	Budaya daripada Perspektif Kamus	68
3.2	Budaya daripada Perspektif Teks Sastera	70
3.3	Budaya daripada Perspektif Perlembagaan	71
3.4	Budaya daripada Perspektif Sarjana Nusantara	72
3.5	Budaya daripada Perspektif Barat	87
3.6	Budaya daripada Perspektif Islam	92
3.7	Budaya daripada Perspektif Pengurusan	96

### **BAB EMPAT: ANALISIS BUDAYA DALAM PUISI-PUISI MUHAMMAD HAJI SALLEH**

4.0	Pengenalan	100
4.1	Hubungan Manusia dengan Manusia	100
4.1.1	Budaya Perubahan Pemikiran	101
4.1.2	Budaya Ilmu	141
4.1.3	Budaya Kerja	164

### **BAB LIMA: ANALISIS BUDAYA KETUHANAN DAN KEALAMAN DALAM PUISI-PUISI MUHAMMAD HAJI SALLEH**

5.0	Pengenalan	202
5.1	Hubungan Manusia dengan Tuhan	202
5.1.1	Budaya Animisme dan Dinamisme	204
5.1.2	Budaya Mempercayai Tuhan	218
5.1.3	Budaya Kesamarataan	229



5.2	Hubungan Manusia dengan Alam	240
5.2.1	Budaya Menghargai Alam	241
5.2.2	Budaya Merosakkan Alam	266
5.2.3	Budaya Melestarikan Alam	274

## **BAB ENAM: KESIMPULAN**

6.0	Kesimpulan	299
-----	------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>317</b>
--------------------	------------

## **SENARAI PENERBITAN**

## **BUDAYA DALAM PUISI-PUISI MUHAMMAD HAJI SALLEH: KAJIAN TEORI SASTERA BUDAYA**

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji dan menganalisis aspek-aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Kajian ini merangkumi puisi-puisi yang terdapat di dalam sebelas antologi puisi ciptaan Muhammad Haji Salleh dari tahun 1974 hingga 2008. Semua antologi puisi ini dipilih kerana puisi-puisi yang terkandung di dalamnya memperlihatkan kreativiti, keilmuan dan imaginasi penyair yang tinggi. Antaranya, sajak-sajak pendatang (1974), dari seberang diri (1982), sebuah unggun di tepi danau (1996), salju shibuya (2004) dan setitik darah di bilik bundar (2008). Kajian ini menggunakan kaedah penelitian kepustakaan, melibatkan pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, dan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan subjek yang dikaji dan individu-individu yang mengenali beliau. Teori Sastera Budaya dipilih untuk menganalisis puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dan memperlihatkan aspek-aspek budaya yang terkandung di dalam puisi-puisi tersebut. Kajian aspek-aspek budaya di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh disandarkan kepada tiga tema utama iaitu Manusia dengan Manusia, Manusia dengan Tuhan dan Manusia dengan Alam. Hasil kajian mendapati puisi-puisi Muhammad Haji Salleh mengajak khalayak pembaca mengamalkan 'budaya perubahan pemikiran' supaya mampu bersaing di persada dunia, dan menggambarkan kekaguman beliau terhadap bangsa barat yang mementingkan budaya ilmu. Hasil kajian juga mendapati Muhammad Haji Salleh membawa mesej yang jelas tentang nilai-nilai positif berkaitan budaya kerja bangsa Jepun yang jauh lebih baik daripada bangsa Barat yang sepatutnya dijadikan model oleh bangsa dunia. Kajian turut menemui puisi-puisi Muhammad Haji Salleh memaparkan budaya beragama manusia sejagat sebelum kedatangan dan selepas kedatangan agama Islam yang berkait rapat dengan persejarahan, nilai-nilai dan amalan yang dituntut oleh agama. Kajian ini juga menunjukkan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh memperlihatkan hubungan erat manusia sejagat dengan alam. Melalui puisi, Muhammad Haji Salleh berusaha mendidik bangsa dunia supaya melaksanakan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam demi kepentingan generasi masa hadapan. Menerusi kajian aspek-aspek budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, khalayak pembaca diketengahkan nilai sejagat dan nilai-nilai murni yang bersangkutan perhubungan manusia dengan manusia, manusia dengan tuhan dan manusia dengan alam. Kajian budaya yang berkaitan dengan bangsa dunia harus diperbanyakkan kerana banyak rahsia kejayaan bangsa dunia dapat dicungkil dan diketengahkan sebagai teladan kepada masyarakat serta pemimpin untuk membangunkan negara.

## **CULTURES IN MUHAMMAD HAJI SALLEH'S POEMS: CULTURAL STUDIES THEORY**

### **ABSTRACT**

The purpose of this research is to analyze the cultures that can be found in the poems by the National Laureate, Muhammad Haji Salleh. This study includes the poems contained in eleven anthologies of poetry created by Muhammad Haji Salleh from 1974 to 2008. All this poetry anthologies are selected as the poems contained in it show the creativity, knowledge and the high imagination of the poet. Among them, *sajak-sajak pendatang* (1974), *dari seberang diri* (1982), *sebuah unggun di tepi danau* (1996) *salju shibuya* (2004) and *setitik darah di bilik bundar* (2008). The method of literature research, involving reading and collection of resources related to the poems of Muhammad Haji Salleh, and method of unstructured interviews with the subjects and individuals who know him. Cultural Studies Theory is used for analyzing selected poems by Muhammad Haji Salleh to show the cultural aspects contained in these poems. The cultural aspects in the poems of Muhammad Haji Salleh are attributed to three main themes; Man with Man, Man with God and Man with Nature. The study found the poems of Muhammad Haji Salleh call for the readers to practice 'cultural mindset change' to be able to compete on the world stage, and to describe his admiration for the westerners who prioritize the culture of knowledge. The study also found that Muhammad Haji Salleh brings a clear message about the positive values of the Japanese working culture that is far better than the Western races that should serve as a model to the nations of the world. The study also found poems of Muhammad Haji Salleh portray the religious culture of human beings before and after the arrival of Islam in the real world history. It is closely linked to the values and practices of religious obligations. The study also found out that the poems by Muhammad Haji Salleh show the close relationship between humanity and nature. Through poetry, Muhammad Haji Salleh is trying to educate people in the world to implement the acts of conservation and preservation of nature for the sake of future generations. Through the study of cultures in the poems of Muhammad Haji Salleh, readers were presented with matters and messages which are universal; showing universal values and the values related to human relations among men, man with the divine and human with nature. Cultures associated with the world's nations should be multiplied as much grandeur and success can be tapped and set to be an example to the community and leaders to develop the country.

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada manusia. Sastera adalah cerminan budaya sesebuah masyarakat dan kemanusiaan. Pemasalahan manusia dan budaya menjadi intipati utama dalam penghasilan kesusasteraan. Kesusasteraan dianggap sebagai satu ekspresi hidup; ekspresi yang penting tentang kebudayaan berlandaskan kemanusiaan yang digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Shahnnon Ahmad (1992:147) yang menyatakan kesusasteraan adalah bertonggakan kemanusiaan dalam segala dimensinya. Manakala Usman Awang (1970:238) menyatakan bahawa berbicara tentang sastera, tidak lain daripada bicara tentang manusia. Berbicara tentang manusia bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya. Ertinya, karya sastera merupakan cerminan budaya dan kemanusiaan yang dihasilkan oleh manusia.

Manakala karya Robert C. Pooley yang disusun semula oleh Henry Guntur *Tarigan* dalam bukunya *Prinsip-prinsip Dasar Sastera* (1984:2) memperlihatkan kepentingan puisi dalam memancarkan iktibar dan pemikiran kepada kehidupan manusia. Susunan kata-kata yang indah serta kreatif di dalam puisi sarat ilmu yang

bertunjangkan kebenaran dan budaya hidup masyarakatnya. Hal Ini dapat dilihat melalui kenyataan di bawah:

“Orang yang menutup telinga dan pintu hatinya terhadap alun puisi akan terpercil dari suatu wilayah indah yang terhimpun harta kekayaan berupa pengertian manusia dan pandangan perseorangan yang mengundang kesedaran ke arah kebijaksanaan. Justeru, upaya yang dituntut untuk memahami serta menghayati puisi menjadi sama pentingnya dengan upaya yang dituntut oleh setiap bentuk kehidupan manusiawi lainnya.”

Zainal Abidin Borhan (2006:349) turut menjelaskan hasil sastera berperanan utama menggambarkan budaya tentang manusia dan alam sekeliling. Hal ini dapat diperjelaskan melalui kenyataan beliau iaitu “Seni merupakan pengucapan budaya; pengucapan yang terlahir daripada perasaan dan tindakan mental kefahaman manusia yang mentafsir alam sekeliling. Seni dalam peringkat darjat penghasilannya merupakan tuangan tafsiran terhadap hakikat kewujudan falsafah diri dan kewujudan masyarakat yang melahirkannya.”

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Ubai bin Kaab (1989:658) menjelaskan Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda yang maksudnya; “Bahawasanya di dalam puisi itu mengandungi hikmah”. Puisi merupakan susunan perkataan indah yang dicipta bertujuan untuk memperlihatkan hal yang bertepatan dengan kebenaran iaitu kebaikan; dan hal yang tidak bertepatan dengan kebenaran itu tiada kebaikan.

Puisi bukan sekadar bait-bait kata yang tersusun dan pengucapan yang sedap didengar semata-mata tetapi turut berperanan untuk merawat jiwa dan emosi manusia. Di Barat dewasa ini, puisi telah digunakan oleh para doktor untuk merawat

pesakit jiwa dan pesakit yang mengalami masalah gangguan emosi. Rafael Campo, profesor perubatan di *Harvard Medical School* melakukan ritual *ward-round* menggunakan puisi pengakuan. Kejayaan beliau menyembuhkan pesakit menggunakan puisi telah membolehkan beliau memenangi LAMDA Literary Award dan Guggetein's Fellowship (*Dewan Sastera, Mei 2003:9*).

Di Amerika Syarikat, National Association of Poetry-Therapy (NAPT) merupakan satu-satunya persatuan yang mengeluarkan sijil pentauliahan iaitu "*Registered/ Certified Poetry-Therapist*" kepada pemuisi yang berkelayakan. Institut Perubatan Mental di Amerika Syarikat mempunyai pemuisi tamu yang berfungsi menangani otak kanan pesakit dalam merangsang penyembuhan pesakit.<sup>1</sup>

Puisi turut mendapat penghargaan yang tinggi dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Karya para penyair yang terbaik digantung pada dinding Kaabah sebagai simbol kebesaran dan kebanggaan suku masing-masing. Antara karya puisi yang penting yang dihasilkan pada zaman Jahiliyah ialah *al-Mualla'qat*.<sup>2</sup>

Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w, puisi merupakan wadah utama dalam menyalurkan ilmu. Allah menurunkan al-Quran yang luar biasa mukjizat, keindahan bahasa dan kehebatan isi kandungannya kepada Nabi Muhammad s.a.w telah mengancam kedudukan para penyair terkemuka Arab. Hal ini mengancam status, menghadirkan kegelisahan, kebuntuan kepada para penyair Arab. Mereka berusaha mencipta puisi-puisi hebat untuk menyaingi keagungan al-Quran yang merupakan wahyu daripada Allah.

“Kitab (al-Quran) itu tidak ada keraguan padanya, serta menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa; (yaitu) orang-orang yang beriman (percaya dengan yakin) kepada perkara yang ghaib (malaikat-malaikat, syurga, neraka, mahsyar, titian as-syirat, dosa dan pahala dll), mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka; Dan orang-orang yang beriman kepada (Kitab) yang diturunkan kepada engkau (ya Muhammad) dan (Kitab-kitab) yang diturunkan sebelum engkau, sedang mereka itu yakin adanya (hari) akhirat; Mereka itu mendapat petunjuk daripada Tuhannya; dan mereka itulah orang-orang yang menang...”

( Surah al-Baqarah ayat 1-5)

Hal ini memperlihatkan bahawa sejak zaman jahiliyah sehingga zaman Nabi Muhammad s.a.w, puisi merupakan wadah penting masyarakat Arab dalam kehidupan seharian mereka. Para penyair yang menghasilkan puisi terbaik disanjung tinggi oleh masyarakat kerana berjaya mengangkat martabat sukunya ke darjat yang lebih tinggi berbanding suku-suku lain.<sup>3</sup>

Dalam perkembangan dan tradisi kesusasteraan di nusantara, sastera tradisi seperti mantera, pantun, syair, gurindam, seloka dan cerita rakyat telah memulakan tradisi penitisan pemikiran, budaya serta penerapan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat di peringkat awal. Sastera tradisi tersebut terus diwarisi dari generasi ke generasi. Kemudian, sastera Melayu moden seperti novel, cerpen dan puisi meneruskan kesinambungan penerapan pemikiran, budaya, didikan dan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat.

Sejajar dengan peredaran zaman, kewujudan media cetak telah membawa satu dimensi baharu kepada dunia kesusasteraan Melayu. Hasil kesusasteraan Melayu yang dihasilkan oleh penyair dapat dicetak dan dihayati oleh masyarakat.

Puisi moden yang pertama dihasilkan oleh Pungguk atau Muhammad Yasin Bin Mamor. Puisi terawal Pungguk berjudul “Keluh-Kesah” telah disiarkan dalam *Majalah Guru* pada tahun 1934. Zaman permulaan puisi moden turut diserikan oleh penyair-penyair lain seperti Abu Samah dengan puisi “Tanah Airku”, P.A dengan puisi “Ibu”, Kasmani Haji Arif dengan puisi “Ajakan”, Muhammad Yusof Awang dengan puisi “Darah Muda” dan Yusof Arshad dengan puisi “Jangan Di-Sangka”. Hal Ini dapat dibuktikan melalui kenyataan di bawah.

Puisi Melayu di Malaysia mengikut sepanjang penyelidikan beliau sehingga kini bermula dalam tahun 1934. Sajak yang awal sekali terbit dalam *Majalah Guru*, Sebuah majalah bulanan yang diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Sekolah Melayu, dalam bulan Mac 1934 oleh seorang penyair yang memakai nama Pungguk.

(Alis Murni, 1962:15)

Pada tahun 1950-an, lahir penyair-penyair seperti Masuri S.N, Usman Awang, A. Samad Said, Afrini Adham, Suhaimi Haji Muhammad, Mokhtar Yasin, Kasim Ahmad dan Halim Anuar. Mereka mempelopori dunia puisi tanah air dan mengangkat pelbagai permasalahan masyarakat dan zaman sebagai intipati penghasilan puisi-puisi mereka.

Penubuhan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) telah berjaya melahirkan puisi-puisi yang bertunjangkan pemikiran kemanusiaan. Penyair-penyair ASAS 50 menganggap sastera satu medium penting dan di dalamnya harus dimasukkan pemikiran-pemikiran berkaitan kemanusiaan. Hal ini selaras dengan pendapat Muhammad Haji Salleh (1986: 198), yang menegaskan bahawa hampir seluruh pemusatan tema yang dipilih oleh penyair ASAS 50 ialah manusia yang dikepong oleh zaman dan keadaan. Oleh yang demikian, dalam definisi yang luas, puisi ASAS



50 tepat sekali ditempatkan sebagai puisi kemanusiaan dan membawakan kesedaran berkaitan kemanusiaan.

Pada tahun 1960-an, penyair-penyair seperti Kemala, Dharmawijaya, A.Wahab Ali, Jihaty Abadi atau Suhaimi Haji Salleh muncul memeriahkan persada puisi tanah air. Tahun 1970-an pula memperlihatkan semakin ramai penyair mengangkat perjuangan bangsa melalui puisi. Antaranya, Latiff Mohidin, Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, A. Ghafar Ibrahim, Firdaus Abdullah, T. Alias Taib, Zurinah Hassan, Zaihasra dan A.Rahman Shaari.

Kemeriahan dunia puisi semakin terasa apabila pada tahun 1980-an menyaksikan kemunculan penyair-penyair muda seperti Moechtar Awang, Puzi Hadi, Nawawee Mohammad, Aziz H.M, Lim Swee Tin, Marzuki Ali, Saiee Driss, Marsli M.O, Zaiton Ajamain, Jeniri Amir dan Zaen Kasturi.

Perkembangan puisi sejak tahun 1934 sehingga kini, telah berjaya melahirkan ramai penyair yang berwibawa dan berkarisma tinggi. Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa puisi mendapat tempat yang istimewa di dalam masyarakat Melayu dan tidak ditelan zaman. Malah, puisi merupakan salah satu genre sastera yang amat diminati ramai sehingga kini.

Sesuatu yang mampu dibanggakan ialah ramai penyair tanah air masih mampu bertahan, produktif, setia mempersembahkan masyarakat dengan puisi-puisi yang bermatlamat membina negara bangsa. Hal ini bertepatan dengan kenyataan berikut:

Penyair bukan sekadar beraksi dengan peribadi tunggal tetapi dia juga berkongsi pengalaman hidup dengan alam dan masyarakatnya. Masalah masyarakat Malaysia yang timbul khususnya sejak awal tahun 1970-an ingin membentuk peribadi atau identiti kebudayaan sehingga berlangsungnya Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971). Sebab itulah puisi-puisi yang disorot ialah yang memberi keutamaan sikap dengan persoalan 'kembali ke akar' yang menampilkan nilai budaya tradisi, dan mengandungi ciri persambungan berlandaskan sejarah dan peka kepada perubahan semasa.

(Siti Zainon Ismail, 1993:157)

Muhammad Haji Salleh adalah antara penyair yang masih produktif sejak penglibatan awal beliau pada tahun 1970-an. Pada tahun 1991, beliau memperoleh gelaran Sasterawan Negara yang ke-6. Muhammad Haji Salleh memperoleh pengiktirafan tertinggi negara dalam usaha beliau memartabatkan genre puisi dan anyaman pemikiran yang bersifat silang budaya. Beliau bukan sahaja di peringkat negara, rantau Asia malah antarabangsa. Keunikan pemikiran yang disajikan, keilmuan dan keindahan puisi beliau meninggalkan kesan positif kepada para khalayak.

Muhammad Haji Salleh, dalam puisi-puisi beliau memperlihatkan unsur silang budaya yang bersifat global. Selain itu, Muhammad Haji Salleh merupakan seorang sarjana yang berwibawa. Beliau banyak membentangkan kertas kerja di luar negara seperti Rusia, Belanda, Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia, Thailand, Brunei dan lain-lain. Keintelektualan dan keunikan puisi-puisi beliau membolehkan beliau meraih pelbagai kejayaan dan anugerah.

## 1.1 **Penyataan Masalah**

Kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan secara khusus budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh memiliki paparan budaya yang kuat kerana latar kehidupan beliau yang sentiasa merantau dan menetap di luar negara. Kehidupan, adat resam dan ragam manusia yang pelbagai menjadi ilham kepada beliau untuk mengabadikan segala pengalaman hidup di perantauan ke dalam puisi-puisi beliau.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Shahnnon Ahmad dalam esei beliau *“Kekinian dan Penantian Muhammad Haji Salleh”* (Dewan Sastera, Mei 1974) yang menyatakan bahawa faktor berjauhan dengan tanah air menyebabkan Muhammad menjadi lebih kritikal; Setiap detik direnungi dan beliau terus berdamping dengan aspek alam – pohon, batu, air dan haiwan yang terjelma kekaburan, ambiguiti dan paradoks. Kekinian dalam puisi-puisi Muhammad pula merujuk persoalan kehidupan yang ditempuhi Muhammad yang dianggapnya sebagai pengalaman intelektual pengarang.

Kajian-kajian sebelum ini tidak memfokuskan kepada budaya bersifat global yang terdapat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Hal tersebut pada pandangan pengkaji merupakan satu elemen penting yang perlu diteroka dan dikaji secara total untuk tatapan khalayak. Penyair merupakan insan yang sentiasa berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakatnya. Hal ini bertepatan dengan pendapat Mahsuri S.N (1998:31) iaitu "...hasil penulisan pengarang banyak bergantung kepada lingkungannya, di mana dia dilahirkan, pendidikan yang diterimanya, pengalaman dan penghayatan hidupnya."

Muhammad Haji Salleh merupakan salah seorang Sasterawan Negara yang telah berjaya menempatkan diri beliau di persada dunia puisi tanah air dan antarabangsa. Sebagai seorang Sasterawan Negara yang berwibawa, sewajarnya kajian-kajian akademik tentang Muhammad Haji Salleh dilakukan dengan banyak. Namun setakat ini, hanya terdapat satu sahaja kajian peringkat Ph.D terhadap karya-karya beliau. Sehubungan itu, kajian ini diyakini dapat menambah bilangan kajian ilmiah tentang Muhammad Haji Salleh. Kajian ini dijangka berupaya mengetengahkan kewibawaan beliau sebagai seorang penyair tersohor negara.

## **1.2 Objektif Kajian**

Fokus utama kajian ini ialah tentang budaya yang tersirat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Antara objektif kajian seperti berikut.

- i. Menghurai dan memperlihatkan makna budaya daripada pelbagai disiplin ilmu.
- ii. Mengkaji budaya berdasarkan tema-tema yang terdapat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh.
- iii. Menganalisis secara mendalam paparan budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh menggunakan Teori Sastera Budaya.

### 1.3 Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada sebelas antologi puisi ciptaan Muhammad Haji Salleh. Antaranya *sajak-sajak pendatang* (1974), *buku perjalanan si tenggang ii* (1975), *dari seberang diri* (1982), *Sajak-sajak Sejarah Melayu* (1992), *kalau, atau dan maka* (1988), *watak tenggara* (1993), *sebuah ungun di tepi danau* (1996), *aksara usia* (2002), *salju shibuya* (2004), *sebutir zamrud di deru selat sajak-sajak alam USM* (2006) dan *setitik darah di bilik bundar* (2008).

Sebelas buah antologi puisi Muhammad Haji Salleh dari tahun 1974 hingga 2008 menjadi pilihan pengkaji kerana di dalamnya menghimpunkan puisi-puisi terbaik beliau yang memperlihatkan kreativiti, keilmuan dan imaginasi tinggi. Pengalaman hidup beliau di perantauan, pergaulan dengan pelbagai bangsa dan pertembungan antara budaya Timur dan Barat menyemarakkan jiwa kepenyairan Muhammad Haji Salleh untuk mengabadikan pengalaman hidupnya ke dalam puisi.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa puisi-puisi yang terdapat di dalamnya menceritakan luahan hati Muhammad Haji Salleh tentang pengalaman hidup dan kepelbagaian budaya masyarakat yang dilihat daripada pandangan global seorang penyair intelektual Melayu yang disegani abad ini. Hal ini diakui beliau bahawa sebelas buah antologi yang dipilih pengkaji merupakan teras utama kepada pelbagai budaya global yang digambarkan menerusi puisi-puisi beliau. (Wawancara dengan Muhammad Haji Salleh pada 14 Jun 2010, di Cenpris, Universiti Sains Malaysia ). Menjayakan kajian ini, hanya puisi-puisi yang memperlihatkan aspek-aspek budaya sahaja akan dikaji, diteliti dan dibicarakan secara mendalam.

Konsep budaya dalam kajian ini bersifat global; memperlihatkan bangsa Malaysia dan bangsa-bangsa dunia yang lain peri hal apa juga yang difikir, dilakukan dan dimiliki dalam kehidupan merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat resam serta apa juga cara hidup kita merupakan pengalihan yang kita warisi daripada masyarakat.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan kajian lepas yang telah dilaksanakan, kajian ini merupakan satu kajian khusus yang pertama di peringkat doktor falsafah bertujuan memperlihatkan budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Kajian ini diyakini dapat menonjolkan kewibawaan dan keistimewaan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh berkaitan hal-hal budaya yang bersifat global. Hal ini amat berkait rapat dengan kehidupan Muhammad Haji Salleh yang sering merantau ke seantero dunia.

Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan perkaitan latar belakang kehidupan dan perantauan Muhammad Haji Salleh menjadi tunjang utama penghasilan puisi-puisi beliau yang berkaitan budaya Timur dan Barat. Kajian ini juga dapat menambah bilangan kajian ilmiah pada peringkat Ph.D tentang Muhammad Haji Salleh; Sasterawan Negara yang mendapat pengiktirafan tertinggi negara Malaysia.

Persoalan budaya amat luas cakupannya. Persoalan ini diperkatakan dalam banyak disiplin ilmu termasuk ilmu kesusasteraan. Kajian budaya yang memperlihatkan budaya masyarakat Timur dan Barat di dalam puisi-puisi

Muhammad Haji Salleh dilihat sebagai sesuatu usaha positif dalam meningkatkan jati diri bangsa Malaysia. Menerusi kajian budaya yang bersifat global, kekuatan bangsa dunia dapat dikenal pasti; aspek-aspek budaya yang baik dijadikan teladan oleh bangsa Malaysia untuk menyaingi bangsa dunia yang telah berjaya di mata dunia.

Kajian berkaitan budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh oleh pengkaji diharap dapat memberi inspirasi kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk turut serta mengkaji aspek-aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi penyair Malaysia yang lain. Hal ini dapat memperlihatkan gambaran budaya yang pelbagai dan meningkatkan tamadun sesuatu bangsa dunia. Karya sastera bukan sahaja dilihat memiliki dokumen sosial tetapi turut memaparkan nilai-nilai yang menjadi pegangan sesuatu masyarakat. Menerusi kajian budaya terhadap karya sastera terutama puisi, pengkaji berupaya memaparkan hal-hal budaya yang ditemui kepada para pembaca. Usaha murni ini mampu menjadi wadah kepada para pembaca untuk berfikir dan menyumbang kepada peningkatan tamadun bangsa.

### **1.5 Teori dan Kaedah**

Kritikan budaya dalam kajian kesusasteraan dimulakan oleh Matthew Arnold pada tahun 1860-an. Beliau melakukan penelitian yang serius terhadap karya sastera berkaitan kewujudan kelas pekerja pada zaman tersebut. Hasil daripada usaha tersebut, maka lahirlah kesatuan sekerja yang membawa perubahan dalam masyarakat. Selain itu, kajian Matthew Arnold turut memperlihatkan gagasan

penyatuan kebudayaan nasional di Inggris yang ideologinya sangat dipengaruhi oleh kelas masyarakat borjuis untuk meletakkan hegemoni budaya.

Chris Weedon (2001) menjelaskan bahawa perkembangan kajian budaya adalah hasil daripada minat manusia terhadap penelitian hubungan antara budaya dan kuasa; kajian cenderung kepada hal-hal mengenai politik, ideologi, sosial dan faktor-faktor sejarah yang ada hubungan dengan budaya dan kuasa. Disiplin ini popular pada tahun 1960-an dan semakin kukuh di Britain dengan berfokuskan kesusasteraan sebagai bahan kajian yang memberi keutamaan kepada budaya dan ketamadunan.

Stuart Hall (1981) berpendirian bahawa kajian budaya merupakan *"a project that is always open to that which it doesn't yet know, to that which it can't yet name."* Hal ini menjelaskan kajian budaya bertujuan mengetahui bagaimana budaya dibangunkan dan pelaku-pelaku yang membangunkan budaya. Sehubungan itu, Chris Weedon (2001), memperlihatkan kajian budaya tidak memberi penekanan khusus kepada aspek estetik secara total tetapi mengangkat kanon teks sebagai dokumen politik dan sosial.

*Cultural Studies, would insist that not only apparently 'universal' aesthetic criteria, but also the establishment of a body of canonical texts, were the effects of particular social and political processes embedded in a practices of a range of institutions as education, publishing and literary criticism.*

Chris Barker (2000) dalam buku beliau *"Cultural Studies: Theory and Practical"* telah menggariskan tiga kaedah penelitian yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji dalam usaha melaksanakan kajian budaya iaitu Pendekatan Etnografi,



Pendekatan Tekstual dan Kajian Resepsi. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji memilih Pendekatan Tekstual oleh Chris Barker yang memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu semiotika, naratif dan *deconstruction*. Namun begitu, Pengkaji hanya akan menggunakan dua aspek sahaja iaitu naratif dan *deconstruction* untuk memperlihatkan budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Manakala aspek semiotika tidak dipilih kerana pengkaji tidak berhasrat untuk memperlihatkan estetika bahasa dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh.

Pendekatan Tekstual oleh Chris Barker memberi penekanan kepada tiga perkara utama iaitu pertama, semiotika yang memperlihatkan bahasa sebagai lambang, tanda dan simbol yang amat dominan dalam hasil sastera kerana sifatnya yang menginterpretasi dan menjelaskan makna wacana karya sastera. Bahasa merupakan medium utama untuk menyampaikan pemikiran seorang pengarang. Dalam semiotik, bahasa difahami sebagai satu peraturan tanda (tatabahasa) yang mampu membina maksud dalaman sesebuah karya menerusi aspek konseptual dan perbezaan makna. Hal ini diperjelaskan oleh Chris Barker bahawa "*Language is the Privilege medium in which cultural meanings are formed and communicated; ... medium through which we form knowledge about ourselves and the social world.*"

Chris Barker telah memperakui bahawa bahasa bukan sahaja memudahkan komunikasi tetapi turut membangunkan pengetahuan tentang dunia sosial. Justeru, jelas bahasa amat berkait rapat dengan budaya. Pemikiran pengarang dikesan melalui cantuman perkataan yang memiliki makna melalui penggunaan bahasa. Makna dihasilkan menerusi pemilihan dan kombinasi tanda bersama paksi sintagmatik (tatabahasa) dan paradigmatic yakni perbendaharaan kata. Paksi

sintagmatik dihasilkan menerusi kombinasi perkataan yang membentuk ayat. Manakala paradigmatic merujuk kepada bidang tanda (sinonim) di mana tanda itu dipilih. Justeru, makna dikumpul menerusi paksi sintagmatik. Pada masa yang sama, pemilihan daripada bidang paradigmatic menukar maksud pada mana-mana bahagian di dalam ayat. Oleh itu, bagi membaca dalam turutan ‘kucing itu duduk di atas tikar’ dari kiri ke kanan adalah bermaksud mengikut peraturan sintagmatik. Dengan menukar perkataan “kucing” kepada “harimau” atau “singa” adalah membuat penukaran paradigmatic. Oleh itu, analisis semiotik dalam budaya bertujuan mempamerkan yang bahasa sebagai lambang yang berupaya memperlihatkan makna sebenar dalam karya.

Kedua, Naratif adalah cerita yang mengikut susunan peristiwa. Namun, naratif adalah lebih daripada rekod ringkas kejadian kerana berupaya memberikan kita kerangka untuk memahami dan menyediakan panduan rujukan tentang cara bagaimana struktur sosial dibina. Naratif menyediakan jawapan bagi persoalan bagaimana kita patut hidup. Kajian naratif merujuk kepada bentuk, susunan, struktur sesebuah cerita dibina dan diceritakan.

Walaupun sesebuah cerita berbeza bentuk, menggunakan pelbagai watak, subjek dan struktur naratif (cara penceritaan) yang berlainan, namun pembinaan sesebuah karya sastera mempunyai perkaitan yang sama dengan ciri-ciri pembentukan cerita; memiliki isu utama, konflik dan penyelesaian. Oleh itu, naratif bertujuan memperlihatkan pemikiran pengarang yang ingin disampaikan kepada khalayak menerusi karya sastera yang dihasilkan oleh mereka.

Naratif juga dilihat berkait dengan tindakan dan makna di dalam identiti sendiri (*self-identity*). Justeru, identiti boleh difahami sebagai satu cerita tentang diri. Dengan memberikan kerangka ataupun watak yang pelbagai, apa yang kita fikir tentang diri - dialog “aku” – boleh difahami sebagai naratif *post hoc* yang kita cipta untuk menceritakan tentang diri. Seterusnya, cerita tentang diri kita berkait dengan ahli masyarakat. Akhirnya, cerita menjadi sebahagian daripada himpunan budaya naratif yang luas; perbincangan, penerangan, sumber dan peta makna yang bermakna untuk seluruh ahli budayanya.

Ketiga, *Deconstruction* - Konsep ini berkait dengan hasil kerja *Derrida* dan ‘punca kegagalannya’ dalam belahan dua falsafah Barat serta kemasukannya ke dalam bidang penulisan (seperti *De Man*) dan juga kemasukannya ke dalam teori pasca-penjajahan (*post-colonial*) (contohnya, *Spivak*). Menyahbina (*deconstruct*) adalah untuk menanggalkan atau membatalkan bagi mencari dan mempamerkan andaian di dalam teks; membongkar karya sastera secara terus menerus sehingga ditemui gejala-gejala yang tersembunyi dan ketidakbenaran. Secara spesifik, menyahbina melibatkan penanggalan (*dismantle*) belahan dua hierarki yang bertentangan seperti lelaki/wanita, hitam/putih, realiti/hiasan dan lain-lain yang digunakan bagi menjamin status dan kuasa yang didakwa benar, dengan membuat pengecualian dan tidak menilai bahagian belahan dua yang lebih rendah.

Penyahbinaan bertujuan menghuraikan titik buta yang terdapat di dalam teks, andaian yang tidak diiktiraf di mana caranya beroperasi. Ini termasuklah tempat di mana strategi retorik teks tersebut berfungsi melawan logik pembahasan yang dinyatakan. Penyahbinaan memfokuskan pergolakan antara maksud yang ingin

dibawa oleh teks tersebut dengan kebenaran hakiki. Justeru, pengarang dilihat berperanan untuk menyatakan falsafah dan pandangan dunia mereka dalam memperlihatkan kebenaran sesuatu perkara.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Nyoman Kutha Ratna, S.U (2004:332-333) yang menjelaskan bahawa pengarang sebagai ahli budaya memiliki kesedaran bahawa karya sastera harus berfungsi sama dengan aspek-aspek kebudayaan yang lain. Maka satu-satunya cara adalah mengembalikan karya sastera ke tengah-tengah masyarakat, memahaminya sebagai bahagian yang tidak terpisah dengan sistem komunikasi secara keseluruhannya. Sastera berkait rapat dengan budaya masyarakat sebagaimana berikut:

- i. Karya sastera ditulis oleh pengarang, diceritakan oleh tukang cerita, disalin oleh penyalin, sedangkan ketiga-tiga subjek tersebut adalah anggota masyarakat.
- ii. Karya sastera hidup dalam masyarakat, menyerap aspek-aspek kehidupan yang terjadi dalam masyarakat, yang pada gilirannya juga difungsikan oleh masyarakat.
- iii. Medium karya sastera baik lisan mahupun tulisan, dipinjam melalui kompetensi masyarakat, yang dengan sendirinya telah mengundang masalah-masalah kemasyarakatan.

- iv. Berbeza dengan ilmu pengetahuan, agama, adat-istiadat dan tradisi yang lain, dalam karya sastera terkandung estetika, etika dan logikal. Masyarakat berkepentingan terhadap tiga aspek tersebut.
- v. Sama dengan masyarakat, karya sastera adalah hakikat intersubjektiviti, masyarakat menemukan citra dirinya dalam suatu karya.

Manakala Hashim Awang (1988) pula menjelaskan bahawa sasterawan itu sendiri adalah anggota masyarakat; dia terikat oleh status sosial tertentu. Sastera adalah lembaga sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium; bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Sastera menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial. Dalam pengertian ini, kehidupan mencakupi hubungan antara masyarakat dengan individu, antara manusia dan antara peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam batin seseorang. Peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam batin seseorang itulah yang sering menjadi bahan sastera kepada sasterawan; adalah pantulan daripada hubungan seseorang dengan orang lain atau dengan masyarakat.

Bagi menjayakan kajian ini, kaedah penelitian kepustakaan akan dilaksanakan di beberapa institusi yang merangkumi pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan dengan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Sumber-sumber yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku, jurnal, majalah, surat khabar, kertas kerja, laman web dan tesis.

Antara institusi yang menjadi pilihan pengkaji untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah penelitian kepustakaan ialah Perpustakaan Hamzah Endut Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Darul Iman Malaysia, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah Universiti Malaysia Terengganu, Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur Kelantan, Perpustakaan Institut Perguruan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail, dan Perpustakaan Awam Kuala Terengganu.

Selain itu, temu bual turut dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan berkaitan Muhammad Haji Salleh. Sehubungan itu, temu bual tidak berstruktur akan dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah temu bual dengan penyair yang dikaji iaitu Muhammad Haji Salleh. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada penyair yang dikaji. Selain itu, temu bual tersebut memberi peluang dan ruang kepada pengkaji untuk mengenali Muhammad Haji Salleh lebih dekat dari aspek riwayat hidup, peribadi, sikap, prinsip hidup dan berdiskusi tentang karya-karya beliau.

Manakala temu bual peringkat kedua ialah temu bual individu-individu yang mengenali Muhammad Haji Salleh untuk mendapatkan pandangan, perspektif mereka berkaitan diri dan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Segala maklumat dan perolehan daripada temu bual akan dianalisis secara objektif.

## 1.6 Kajian Literatur

Berdasarkan penelitian, hanya terdapat satu sahaja kajian peringkat Ph.D mengenai Muhammad Haji Salleh yang dilakukan oleh Awang Azman Awang Pawi (UKM, 2007) melalui tesis beliau bertajuk “Muhammad Haji Salleh Sebagai Pengarang Pascakolonial: Analisis Teks dan Konteks.” Kajian ini menganalisis karya kreatif, non kreatif dan tindakan Muhammad Haji Salleh daripada perspektif pascakolonial. Pemikiran pascakolonial Muhammad Haji Salleh terhasil akibat daripada faktor pengalaman, peristiwa persekitaran, memori kolektif, sejarah, sosial dan politik negara. Hal ini turut memperlihatkan latar belakang pengarang yang menjadi penentu kewujudan sikap dan pemikiran pascakolonial dalam puisi-puisi beliau. Kajian berkenaan juga tertumpu sepenuhnya kepada Muhammad Haji Salleh dalam hal berkaitan pascakolonial. Justeru, terdapat hal lain iaitu budaya yang bersifat global dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh yang tidak disentuh.

Sakinah Abu Bakar (USM, 1998) menerusi tesis sarjana beliau bertajuk “Estetika dalam Puisi Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh: Unsur-unsur Tradisi dan Inovasi” memperlihatkan secara perbandingan aspek estetika dalam sajak-sajak Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh. Sakinah Abu Bakar tidak menyentuh langsung aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh. Kajian beliau bersifat sastera perbandingan memfokuskan kepada puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dan Usman Awang dari aspek idea, tema, bentuk, nada dan teknik puisi yang berkait rapat dengan unsur tradisi dan inovasi yang akhirnya mewujudkan nilai estetika.

Nurzeti Ghafar (UM, 2001) dalam tesis sarjana beliau iaitu “*Muhammad Haji Salleh: A Poet In Two Languages*” memperlihatkan kehebatan Muhammad Haji Salleh sebagai seorang penyair, penterjemah dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian tersebut membandingkan buku *Perjalanan Si Tanggang II* dengan *The Travel Journals of Si Tanggang II* untuk meneliti persamaan dan perbezaan makna puisi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh.

Selain itu, kajian tersebut juga turut mengkaji pemikiran Muhammad Haji Salleh melalui imejan yang terdapat di dalam puisi-puisi beliau. Namun begitu, sepanjang kajian yang dilaksanakan oleh Nurzeti Ghafar, beliau hanya menumpukan perbincangan kepada penterjemahan makna puisi bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris oleh Muhammad Haji Salleh berdasarkan dua buah antologi puisi yang dikaji. Kajian beliau tidak menyentuh langsung puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dari sudut budaya.

Mohammad Shahidan (USM, 1994) dalam tesis Sarjana Muda beliau iaitu “Gaya Bahasa Dalam Puisi Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohidin: Satu Kajian Kritis” telah membuat perbandingan tentang gaya bahasa yang digunakan oleh kedua-dua penyair yang dikaji dalam puisi-puisi mereka. Kajian ini telah memperlihatkan beberapa unsur gaya bahasa yang telah dipraktikkan oleh Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohidin yang merangkumi pelbagai gaya yang turut digunakan oleh penyair-penyair lain.



Hal ini menurut Mohammad Shahidan bukanlah sesuatu yang luar biasa memandangkan gaya bahasa adalah unsur intrinsik yang amat penting untuk membangunkan nilai keindahan sesebuah karya kreatif. Setiap gaya bahasa yang dipamerkan mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Paparan budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh tidak dibicarakan sama sekali kerana kajian Mohammad Shahidan secara perbandingan hanya mengkaji unsur gaya bahasa Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohidin.

Selain itu, Mohd Nasir Md Nor (UKM, 1991) melalui kajian “Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Kajian Terhadap Tema dan Pemikiran” mengkaji tema-tema dan pemikiran yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dalam puisi-puisi beliau berdasarkan lima buah kumpulan puisi iaitu *Sajak-sajak Pendatang, Buku Perjalanan Si Tenggang II, Ini Juga Duniaku, Dari Seberang Diri dan Kalau, Atau dan Maka*. Kajian ilmiah ini tidak menyentuh langsung hal budaya yang bersifat global dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh.

Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1991 memaparkan riwayat hidup, ketokohan Muhammad Haji Salleh sebagai seorang penyair dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, penterjemah, pengkritik sastera dan ilmuan dalam dunia sastera negara. Pelbagai kejayaan yang dirangkul membuktikan kehebatan beliau di peringkat negara dan antarabangsa. Puisi-puisi yang dihasilkan amat mementingkan mesej atau ilmu. Hal ini bertepatan dengan status penyair intelektual yang dilabelkan kepada beliau.

Konsentrasi, komitmen dan keilmuan Muhammad Haji Salleh dalam membangunkan negara bangsa melalui puisi-puisi beliau diiktiraf. Buktinya beliau dianugerahi Sasterawan Negara yang keenam. Laporan ini memaparkan kehebatan beliau sebagai seorang Sasterwan Negara secara khusus. Di dalam laporan tersebut, tiada sebarang diskusi berkaitan dengan budaya yang bersifat global.

Selain itu, buku *Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh The Malaysian Laureate* terbitan khas Dewan Bahasa dan Pustaka memuatkan ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negera Malaysia 1991, Ucapan penerimaan Anugerah *S.E.A Write* 1997, karya puisi bahasa Melayu, puisi-puisi terjemahan ke bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Mandarin, bahasa Sepanyol, bahasa Thai, esei dan petikan daripada laman sesawang Muhammad Haji Salleh.

Buku ini merupakan sebuah buku edisi khas untuk Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Meneliti kandungan buku ini, khalayak dapat menghayati kehebatan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh yang telah diterjemah ke pelbagai bahasa. Dalam esei "*Pembaharuan Budaya Bagi Asia Tenggara*" beliau menyentuh persoalan penulis dan budaya sebagaimana berikut:

Banyak nilai yang sama yang kukuh dalam masyarakat kita yang memerlukan titisan tinta dan aksara pemikiran kita, supaya semuanya berpanjangan. Penulis mungkin dapat menyalurkan nilai sejagat, wawasan kehidupan yang baik kepada pembaca mereka sekiranya mereka berdiri di tengah-tengah masyarakat mereka dan bertutur dengan keunikan warisan kesusasteraan bersama. Ini juga merupakan sumbangan kita kepada budaya dunia.

(Muhammad Haji Salleh, 2008: 24)

Melalui esei tersebut, Muhammad Haji Salleh memperlihatkan peranan penulis yang dilihat penting dalam usaha menjana warisan kesusasteraan masing-masing ke arah penyatuan semua budaya bangsa di dalam satu acuan budaya dunia. Sehubungan itu, menjadi hasrat utama pengkaji untuk memperlihatkan budaya yang bersifat global dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh.

Dalam bentuk buku, terdapat juga tulisan-tulisan berkaitan dengan Muhammad Haji Salleh. Buku *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh* (2003) yang diedit Zawiah Yahya terbahagi kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi kertas kerja Zawiah Yahya berkaitan Siapa Muhammad Haji Salleh dan wawancara Fadillah Merican mengenai kepengarangan Muhammad Haji Salleh.

Bahagian kedua memaparkan kajian *imej kota dalam karya awal Muhammad Haji Salleh oleh Raihanah Mohd. Mydin dan J.V. D'Cruz*, Kajian *Time and It's People* dalam perspektif Muhammad sebagai pengembara oleh Noraini Md. Yusof, Kajian *Perjalanan Si Tenggang dari sudut tradisional dan moden* oleh Zawiah Yahya, *Penelitian Yang Empunya Cerita: Kajian semula Sejarah Melayu* oleh Ruzy Suliza Hashim dan *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh* oleh Abdul Rahman Napiah.

Bahagian ketiga memuatkan kajian Sohaimi Abdul Aziz tentang *estetika kesusasteraan Melayu menurut Muhammad Haji Salleh*, Kajian *Muhammad Haji Salleh Penyair Melayu: Teori asli dalam pembinaan* oleh Zawiah Yahya, *Puitika Sastera Melayu Muhammad Haji Salleh* oleh Abdul Rahman Napiah, Kajian